

BULETIN METEOROLOGI PERTANIAN 10 HARI
DEKAD PERTAMA MAC 2019
(1hb– 10hb Mac 2019)

PENDAHULUAN

Negara sedang berada di fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada pertengahan bulan Mac 2019. Secara klimatologinya, taburan hujan di seluruh negara adalah berkurangan semasa tempoh penghujung Monsun Timur Laut. Dalam tempoh ini, ketiadaan hujan atau taburan hujan yang rendah dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan keadaan cuaca yang lebih kering dan sedikit panas. Untuk dekad ini, lebih separuh stesen-stesen meteorologi utama mencatatkan bacaan yang melebihi purata bagi semua pencerapan suhu, sinaran solar dan sejatan kecuali pencerapan hujan pada dekad ini adalah di bawah paras purata.

HUJAN

Pada dekad ini, beberapa kawasan di Kedah, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan di Semenanjung serta bahagian seperti Keningau hingga ke Kudat di Sabah telah merekodkan anomali hujan melebihi 60% di bawah purata. Manakala kawasan-kawasan lain di Sabah dan juga Sarawak merekodkan anomali hujan dari 20% hingga melebihi 40% di bawah paras purata. Hanya Subang dan Petaling Jaya (Selangor), Kluang (Johor) dan Sri Aman (Sarawak) merekodkan anomali hujan antara 20% hingga melebihi 40% di atas purata.

Merujuk kepada Rajah 2, beberapa negeri di Semenanjung Malaysia (Kedah, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan) telah mengalami keadaan cuaca yang agak kering dengan beberapa stesen meteorologi merekodkan tiada hujan pada tempoh ini. Taburan hujan dari 60 hingga 100mm pula adalah tertumpu di Johor dan Selangor terutamanya di Petaling Jaya dengan jumlah hujan tertinggi untuk dekad ini, 174mm beserta enam hari hujan. Manakala stesen Kluang pula merekodkan hujan harian tertinggi pada 10 Mac 2019 dengan bacaan 97.5mm. Kawasan selebihnya di Semenanjung Malaysia merekodkan hujan yang kurang dari 20mm. Di Sabah pula, khususnya di bahagian barat merekodkan tiada hujan atau hujan yang kurang dari 20mm. Manakala timur Sabah terutamanya bahagian Sandakan merekodkan hujan dari 40 hingga 60mm. Berbeza pula di Sarawak, kebanyakan kawasan menerima hujan pada dekad ini. Kawasan dari bahagian Limbang hingga ke Miri merekodkan hujan kurang dari 40mm, manakala bahagian tengah Sarawak (Sibu, Mukah, Kapit, Bintulu) merekodkan jumlah hujan dari 80 hingga 100mm. Keadaan yang lebih lembap pula telah dialami di bahagian Kuching dan Sri Aman dengan masing-masing merekodkan jumlah hujan dari 102mm dan 130mm.

Berdasarkan Indeks Hujan Piawai pada Rajah 3, semua kawasan di Malaysia mencatatkan indeks yang normal untuk awal Mac 2019. Hanya stesen Sitiawan (Perak), Batu Pahat (Johor), Kuantan (Pahang) dan Kapit (Sarawak) mencatatkan indeks sangat kering manakala stesen Langkawi (Kedah), Kota Bharu (Kelantan), Kuching, Sibu dan Miri (Sarawak) mencatatkan indeks yang kering.

SUHU


Secara umumnya, kawasan-kawasan tanah rendah di Malaysia merekodkan suhu di atas paras normal dengan nilai sisihan terbesar +3.1 °C dicatatkan di Senai (Johor) dan Batu Embun (Pahang). Tempoh kering yang panjang telah menyumbang kepada peningkatan suhu terutamanya di utara Semenanjung Malaysia. Berikutan daripada peningkatan suhu maksima ini, pemantauan status gelombang haba di kalangan stesen-stesen utama meteorologi telah diaktifkan dan maklumat lengkap boleh diperolehi melalui Laporan Kemarau yang disediakan oleh pihak Jabatan Meteorologi Malaysia. Merujuk kepada Rajah 4 dan Rajah 5, kebanyakan kawasan tanah rendah di Malaysia menerima purata suhu harian dekad antara 26.8 hingga 30.4°C. Pada dekad ini, stesen auksiliari Pertanian Gajah Mati (Kedah) telah merekodkan suhu tertinggi iaitu 38.4° C pada 6 dan 8 Mac yang lalu. Manakala suhu terendah iaitu 18.2°C pula direkodkan di Kuala Krai (Kelantan). Purata suhu harian yang direkodkan di stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula adalah 19.5°C dengan nilai suhu yang terendah dan tertinggi masing-masing adalah 14.2 °C dan 24.4 °C. Sisihan daripada purata bagi kawasan ini adalah 1.6 °C bagi tempoh ini.

SEJATAN


Secara umumnya, kebanyakan stesen merekodkan kadar sejatan harian melebihi purata terutamanya di Subang dengan nilai sisihan daripada purata terbesar +2.3mm. Hanya stesen Alor Setar (Kedah), Cameron Highlands (Pahang) serta seluruh Sarawak merekodkan bacaan kurang dari purata dengan nilai sisihan terbesar daripada purata -1.1mm direkodkan di Bintulu. Berdasarkan Rajah 6, kebanyakan tempat di Semenanjung dan Sabah merekodkan bacaan sejatan dari 4.8 hingga 6.0mm. Terdapat juga stesen yang mencatatkan bacaan melebihi 6.0mm iaitu di Chuping (Perlis), Melaka, Bayan Lepas (Pulau Pinang) serta Kuala Terengganu dan Kudat (Sabah) dengan nilai sejatan masing-masing 6.9mm, 6.5mm, 6.2mm dan 6.1mm. Di Sarawak, bacaan yang kurang dari 4.0 mm dengan bacaan terendah sebanyak 2.5mm direkodkan di Kuching. Manakala stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 2.2mm.

SINARAN SOLAR


Pada dekad ini, kebanyakan stesen utama meteorologi mencatatkan sinaran solar di atas paras purata terutamanya stesen Chuping (Perlis) dengan nilai sisihan tertinggi +4.9MJm⁻² melebihi purata. Hanya stesen Kuching (Sarawak) dan Kota Kinabalu (Sabah) mencatatkan sinaran solar kurang dari purata dengan nilai sisihan masing-masing -2.2 dan -1.8. Berdasarkan Rajah 7, kawasan utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia (Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu) serta Sabah merekodkan purata harian sinaran suria melebihi 23MJm⁻² dengan bacaan tertinggi 24.7MJm⁻² direkodkan di Kuala Terengganu. Kawasan selebihnya di Semenanjung Malaysia dan beberapa kawasan di timur Sarawak (Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang) merekodkan bacaan dari 19 hingga 23MJm⁻². Di bahagian barat Sarawak pula, bacaan sejatan adalah kurang dari 18 MJm⁻² dengan bacaan terendah 13 MJm⁻² dicatatkan di Kuching. Manakala stesen tanah tinggi Cameron Highlands pula mencatatkan bacaan sebanyak 17.2MJm⁻².




Rajah 1: Anomali Hujan




Rajah 2 Jumlah Hujan




Rajah 3 Indeks Hujan Piawai (Mac 2019)




Rajah 4: Suhu Purata Minimum



Rajah 5: Suhu Purata Maksimum



Rajah 6: Kadar Sejatan



Rajah 7: Sinaran Solar

*Disediakan oleh:
Pusat Iklim Nasional
Jabatan Meteorologi Malaysia
20-Apr-19*